



BILA TUHAN BILA?

Belajar mempercayai saat yang
ditentukan oleh Tuhan.

JOYCE MEYER

Bila, Tuhan, Bila?

**Belajar mempercayai saat yang
ditentukan oleh Tuhan.**

Joyce Meyer

Dicetak oleh: **Prestinex Sdn. Bhd.**

11A, Jalan Sungai Tiram 2, 11900 Bayan Lepas, Penang. Malaysia.

Tel: 604-6462 999

Kandungan

Pendahuluan

1. Penentuan & Percaya.....	1
2. Musim kegenapan.....	3
3. Penggenapan Masa	8
4. Panggilan	10
5. Urapan.....	12
6. Pengasingan	19
7. Adakah anda lelah menantikan?	21
8. Sabar, Sabarlah!.....	25
9. Bilakah impianku akan terkabul?.....	28

Pendahuluan

Kita melayani Allah yang maha mengetahui yang sentiasa mengawasi kita. Allah tidak pernah terkejut. Dia mengetahui segala-galanya sebelum ia terjadi. Mazmur 139 mengatakan bahawa Dia mengetahui fikiran kita sebelum kita memikirkannya. Dia juga mengetahui ungkapan kita yang masih belum diucapkan. Kebanyakan daripada kita perlu bertumbuh dalam hal percaya ini. Pada masa yang sama kita juga perlu cuba mendiamkan pertanyaan yang hebat ini – BILA?

Oleh kerana soalan tersebut datang bertalu-talu , saya ingin menyampaikan hikmat yang Tuhan telah kurniakan kepada saya untuk kebaikan kita bersama. Saya telah menghabiskan sebahagian besar kehidupan saya dalam keadaan tidak sabar, frustrasi dan kekecewaan. Melalui banyak pengalaman, saya telah belajar untuk mempercayai Dia yang mengetahui segala-galanya.

Saya berdoa agar batinmu akan mendapat damai ketika anda bertenang dalam Dia, mempercayai kata-kata Raja Daud, “masa hidupmu ada dalam tanganNya” (Maz 31:16)

1 Penentuan dan Percaya

Tetapi aku, kepada|Mu aku percaya, ya Tuhan, aku berkata: “Engkaulah Allahku!” Masa hidupku ada dalam tanganMu, lepaskanlah aku dari tangan musuh-musuhku dan orang-orang yang mengejar aku! Maz 31:15, 16

Dalam bab ini, Pemazmur mengatakan bahawa dia percaya Tuhan akan menyelamatkannya, dan dia percaya Tuhan akan melakukannya tepat pada waktunya. Percaya bermakna kita mengaku “Masa hidupku ada dalam tanganMu.”

Saya telah mempelajari bahawa percaya juga bermaksud bahawa kadangkala ada soalan-soalan yang tidak terjawab. Dalam keadaan itu kita menyerahkan waktu kita ke dalam tangan Tuhan – mempercayai bahawa walaupun kita tidak mengetahui segala jawabannya, namun Allah tahu. Dia mempunyai waktu yang tepat untuk segala hal dalam kehidupan kita. Memang kita idamkan dan percaya berkat akan berkelimpahan dalam kehidupan kita sekarang – bukannya kemudian!

Sambil kita bertambah matang dalam kehidupan kristen kita, kita belajar untuk mempercayai penentuan Tuhan yang tepat pada waktunya dan bukan untuk hal-hal terjadi dengan serta merta. Ibrani 11:1 mengatakan, “Iman adalah dasar dari segala yang kita harapkan dan bukti dari segala yang tidak kita lihat.” Memang dapat kita memperoleh iman sekarang juga, tetapi adakalanya kita tidak akan menerima pengabulannya dengan segera.

Mempercayai Tuhan kerap bermakna kita tidak tahu bagaimana dan bila Tuhan akan melakukan apa yang perlu dilakukan. Kita

seringkali mengatakan bahawa “Tuhan tidak pernah terlambat,” tetapi Dia juga biasanya tidak terlalu awal. Mengapa? Kerana Dia menggunakan peluang-peluang tersebut untuk menguatkan iman kita terhadapNya. Pada masa-masa penantian jugalah, kita bertambah matang.

Baru-baru ini salah seorang rakan kongsi kami memerlukan bantuan kewangan daripada Tuhan untuk membayarkan cukai yang tidak disangkanya. Cukai itu mesti dibayar pada 15 hb April. Pasangan itu telah memberikan pemberian khas kepada Life in the Word dan mempercayai bahawa Tuhan akan melakukan mukjizat yang mereka perlukan. Pada 14hb April, mereka memperolehi wang yang mereka perlukan untuk membayar cukai tersebut. Mengapa bukan pada 1hb April atau 5 hb April? Mengapa Tuhan menanti hingga ke hari atau minit yang terakhir?

Sebabnya ialah kerana Dia sedang mengajar kita tentang percaya! Percaya itu tidak diwarisi; ianya harus dipelajari! Kita belajar untuk mempercayai Tuhan dengan melalui berbagai pengalaman yang memerlukan percaya. Dengan menyaksikan kesetiaan Tuhan berulang kali, kita akan mula berhenti mempercayai diri sendiri, dan perlahan-lahan akan menikmati rehat yang dari Tuhan dan mempercayaiNya.

Dari pandangan ini, adalah mudah untuk mengerti bahawa waktu yang tepat adalah satu faktor yang memainkan peranan penting dalam mempelajari percaya akan Tuhan. Jika Tuhan melakukan apa saja yang kita minta dengan segera, kita tidak akan bertumbuh dan bertambah matang. Waktu yang tepat dan percaya bagaikan anak kembar – saling bantu membantu.

2 Musim Kegenapan

Imamat 26:4 mengatakan, “maka Aku akan memberi kamu hujan pada masanya.” Gal 6:9 pula mengatakan ‘Janganlah kita jemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai, jika kita tidak menjadi lemah.” Dan dalam I Petrus 5:6 kita digalakkan “Karena itu rendahkanlah dirimu di bawah tangan Tuhan yang kuat, supaya kamu ditinggikanNya pada waktuNya.”

Bilakah musim yang ditentukan atau waktu yang ditentukan? Saya percaya waktu itu ialah ketika Tuhan mengatakan kita sudah bersedia, bila setiap orang yang terlibat sudah bersedia dan bila hal itu mengenapi rancangan Tuhan pada keseluruhannya. Tuhan memang mempunyai rancangan tersendiri untuk setiap individu, tetapi Dia juga mempunyai rancangan menyeluruh untuk segenap dunia.

Saya masih ingat lagi pada ketika saya merasa sungguh hampa kerana tiada apa-apa yang terjadi dalam pelayanan saya. Saya pasti sekali bahawa saya mempunyai pengurapan untuk mengajar Firman Tuhan, namun tidak ada peluang langsung bagi saya. Seakan-akan suatu penantian yang lama. Saya rasa saya sudah bersedia. Saya telah bekerjasama dengan Tuhan. Dia juga telah melakukan kerja yang hebat dalam hidup saya. Jadi saya tidak faham mengapa masih tidak ada apa-apa yang terjadi. Saya masih ingat soalan yang saya tujukan kepada Tuhan, “Tuhan, apakah yang Engkau tunggu-tunggukan? Adakah saya masih belum bersedia lagi?” Tuhan menjawab, “Kamu memang sudah bersedia, tetapi ada di antara mereka yang lain, masih belum. Saya tengah

melakukan sesuatu dalam kehidupan mereka. Jadi kamu terpaksa menunggu hingga mereka sudah bersedia.”

Hendaklah kita sedari bahawa Tuhan tidak memaksa. Dia akan memimpin ... Kita sendiri yang bertanggungjawab untuk menyerahkan kehendak kita kepada Tuhan untuk memenuhi tujuanNya. Kadangkala, proses ini memakan masa yang lebih lama dalam setengah-setengah individu.

Jadi, jika Tuhan sedang menyediakan sekumpulan orang untuk bekerja bersama-sama, mungkin ada ahli-ahli tertentu sudah bersedia sementara yang lain belum. Hal ini memang sukar, sebab pada awalnya, mereka masih tidak tahu rancangan Tuhan, dan seringkali mereka juga belum saling mengenali di antara satu sama lain.

Contoh yang paling bagus ialah seseorang bujang yang sedang mendoakan pasangannya. Tuhan sebenarnya sedang menyiapkan pasangannya itu, tetapi orang yang sedang mendoakan hal itu menjadi hampa kerana dia tidak tahu apa yang sedang berlaku di alam Tuhan. Bujang yang tengah mendoakan pasangan adalah seorang Kristen yang matang. Sambil menantikan doanya dikabulkan, dia juga bertumbuh dalam hal-hal rohaniah dan akhirnya diseru Tuhan untuk melayaniNya sepenuh masa. Bujang ini mungkin terpaksa menanti lebih lama sebelum pasangan yang sedang disiapkan itu bersedia untuk “dihantarkan”. Ya, proses itu memang memakan masa. Ianya tidak akan terjadi dengan begitu saja. Namun Tuhan tetap mempunyai orang yang sesuai untuk mereka.

Dave menemui saya dengan cepat, namun doanya bukanlah doa yang mempunyai syarat-syarat tinggi. Permintaannya ialah agar dikurniakan isteri yang sesuai, dan juga pasangannya itu adalah seorang memerlukan bantuan. Dia mendoakan hal ini selama 6 bulan hingga setahun. Kita berkenalan, bertemu 5 kali dan berkahwin. Pada masa (1994) buku ini diterbitkan, kami sudahpun berumahtangga selama 28 tahun. Dave selalu mengatakan bahawa pada kali pertama kami bertemu, dia sudahpun mengetahui bahawa sayalah orangnya yang akan dia kahwini. Namun dia menanti untuk melamar saya kerana dia tidak mahu menakutkan saya.

Selepas tiga minggu perkahwinan, Dave menyedari bahawa saya mempunyai berbagai masalah dan memerlukan bantuan. Dave mendapat jawapan kepada doanya dengan cepat. Dia juga terpaksa melalui masa-masa yang sukar sementara saya bertambah matang dalam Tuhan dan mengatasi masa lampau saya yang gelap itu.

Tuhan tahu bahawa Dave cukup matang untuk menghadapi tahun-tahun yang sukar itu bersama-sama saya. Jadi dia menjawab doanya dengan cepat. Dave cukup kuat untuk menolong seseorang yang bermasalah. Dave sudi digunakan oleh Tuhan dalam hal ini. Kalaulah Dave belum bersedia atau dia meminta seorang isteri yang lebih sempurna, saya percaya Tuhan akan menangguhkan jawabannya hingga masa yang lebih sesuai – sesudah Tuhan menyempurnakan beberapa hal dalam hidup saya agar memenuhi permintaan Dave.

Apa yang saya maksudkan ialah ketika kita menantikan Tuhan, adalah penting untuk kita menyedari bahawa Tuhan sedang menyiapkan aspek-aspek tertentu dalam kehidupan beberapa orang

agar doa kita dapat dijawab. Berpegangkan kepercayaan ini, maka beban penantian itu akan terasa lebih ringan.

Marilah kita fikirkan sejenak hal masa yang ditentukan ini dalam aspek kewangan. 3 Yohanes 2 mengatakan, “Saudaraku yang kekasih, aku berdoa, semoga engkau baik-baik dan sehat-sehat saja dalam segala sesuatu, sama seperti jiwamu baik-baik saja.”. Frasa “sama seperti jiwamu baik-baik saja” menunjukkan bahawa berkat Tuhan bergantung kepada kematangan kita. “Sama seperti jiwamu baik-baik saja”, merujuk kepada sejauh manakah kita membenarkan Tuhan menyatukan fikiran, kehendak dan emosi kita dengan kehendak Tuhan.

Kematangan adalah satu proses yang memakan masa. Berapa banyak masa yang diperlukan bergantung kepada rancangan Tuhan dan sebaik mana kita bekerjasama dengan rancanganNya itu. Tuhan amat mengasihi kita. Jadi Dia tidak akan memberikan kita kekayaan yang tidak mampu kita tanggung. Oleh itu, Dia memberitahu kita dalam Galatia 6:9, “Janganlah kita jemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai jika kita tidak menjadi lemah.” Masa yang ditentukan itu ialah apabila Tuhan tahu kita sudah bersedia, bukannya kita fikir bahawa kita sendiri sudah bersedia.

Terlalu banyak berkat yang dikurniakan terlalu cepat akan membuat orang itu sombong. Sebab itulah Alkitab mengajar kita supaya jangan memberi tugas kepimpinan kepada seorang yang baru saja dilahirkan kembali. Mereka belum cukup matang dan ianya akan menyebabkan mereka angkuh. (1 Tim 3:6)

Janganlah ia seorang yang baru bertobat, agar jangan ia menjadi sombong dan kena hukuman Iblis.”

Untuk setiap hal, ada masanya. Betapa selamatnya kita bila berada dalam kegenapan masa Tuhan. Saya berdoa agar saya berada dalam kehendakNya dan kegenapan masaNya – bukan selangkah di depan mahu pun selangkah di belakang.

3 Penggenapan Waktunya

Bila pengikut-pengikutNya menanyakan hal-hal akhir zaman, Yesus memberitahu mereka dalam Kisah Para Rasul 1:6-8, bahawa bukan untuk mereka mengetahui masa-masa dan musim-musim yang ditentukan oleh Allah Bapa menurut pilihan dan kuasaNya.

Mereka masih berpendapat bahawa Yesus akan mendirikan sebuah kerajaan duniawi. Mereka bertanya bilakah Dia akan membangunkan semula kerajaan itu bagi Israel.

Yesus gagal untuk menyedarkan mereka bahawa kerajaan yang akan didirikanNya ialah sebuah kerajan rohaniah dan kerajaan itu akan didirikan dalam jiwa mereka. Alkitab memberi amaran kepada kita bahawa pengetahuan tanpa kebijaksanaan adalah berbahaya. Betapa merbahayanya jika Yesus memberitahu mereka bila kerajaan itu akan didirikan sedangkan mereka tidak mengerti langsung apakah isi atau makna kerajaan yang dikatakan oleh Yesus itu.

Banyak kali kita mahu mengetahui bila masanya, dan Tuhan tidak menyatakannya kerana kita masih belum cukup bijak untuk memahami pengetahuan tersebut. Habakkuk 2:3 mengatakan, "Sebab penglihatan itu masih menanti saatnya, tetapi ia bersegera menuju kesudahannya dengan tidak menipu; apabila berlambatlambat, nantikanlah itu, sebab itu sungguh-sungguh akan datang dan tidak akan bertangguh." Ianya tidak akan terlambat satu hari pun.

"Menanti saatnya" bermakna bila Tuhan mengetahui masa itu

adalah sesuai. Kita mesti rendahkan diri dan juga pendapat-pendapat kita dan taklukkan itu semua ke bawah kebijaksanaan dan kuasa Tuhan. Percayalah bahawa Tuhan tidak akan terlambat.

“Menanti saatnya” juga bermaksud waktu yang sudah ditentukan untuk sebab-sebab tertentu. Ianya seperti mengadakan temujanji.

Kita tidak dapat masuk sehinggalah masa yang dijanjikan itu tiba. Begitulah halnya dengan menantikan saatnya. Tuhan mempunyai masa-masa yang tertentu atau dalam lain perkataan, Tuhan telah menetapkan temu janji dalam beberapa isu kehidupan kita. Oleh itu lebih baik kita bertenang, dan menanti dengan sabar kerana hal-hal tersebut hanya akan terjadi pada masa yang ditentukan dan bukan pada masa-masa yang lain.

4 Panggilan

Masa yang terlibat bila Tuhan memanggil seseorang untuk melakukan sesuatu, kemudian memberikan pengurapan dan akhirnya mengasingkan mereka untuk tugas itu, biasanya melibatkan tiga peringkat. Seringkali dari ketiga-tiga peringkat itu – mungkin akan memakan masa yang panjang khasnya jika Tuhan memanggil orang itu untuk melakukan sesuatu yang besar. Besar disini tidak bermaksud antarabangsa tetapi ianya akan mempengaruhi ramai orang. Dalam bab ini dan bab yang seterusnya, kita akan mengkaji kedua-dua hal ini secara berasingan.

Bila Tuhan memanggil seseorang, ianya mungkin datang dengan secara mendadak, atau ianya mungkin sudah disedari oleh individu tersebut selama ini. Saya pernah membaca temuramah seorang Presiden Amerika yang mengatakan bahawa dari kecil lagi, dia sudahpun mempunyai hasrat dan mengetahui dalam hatinya bahawa suatu hari nanti dia akan menjadi Presiden Amerika.

Panggilan saya sendiri datang dengan agak mendadak. Saya tengah mengemaskan bilik suatu pagi, dan kedengaran suara Tuhan mengatakan, “Kamu akan merantau seluruh dunia mengajari FirmanKu, dan kamu akan mempunyai pelayanan yang besar melalui kaset.” Walaupun ianya bukan suara yang kedengaran, namun ianya begitu kuat dan jelas dalam diri saya. Dari saat itulah, saya “tahu” – itulah tujuan hidupku dan saya dapat merasakan keinginan yang sungguh besar untuk mengajar Alkitab.

Sebelum itu, saya sama sekali tidak tahu bahawa saya diutus untuk berkhutbah dan mengajar Firman Tuhan. Namun kini, bila

saya imbas kembali saya sadar sudah ada petanda-petanda sepanjang hidup saya. Saya mempunyai kemahiran dalam pertuturan mahupun dalam tulisan untuk menyatakan sesuatu hal dengan cara yang jelas dan mudah difahami. Sewaktu di sekolah menengah sekalipun, sudah ada orang yang sering datang meminta tunjukajar dan nasihat dalam menangani masalah mereka. Pada waktu itu saya sudah pun mempunyai keinginan mendalam untuk menolong orang menyelesaikan masalah hidup mereka. Malah saya diminta untuk menyampaikan suatu ucapan sebagai motivasi untuk bertambah maju dalam pembelajaran murid-murid sekelas. Malah pernah saya terfikir untuk mendapatkan ijazah dalam bidang psikologi supaya dapat membantu orang lain.

Selepas beberapa tahun berkahwin dengan Dave, saya semakin intim dengan Tuhan walaupun saya tetap menghadapi masalah akibat deraan masa lampau saya. Pada ketika itu, kami sudahpun mempunyai tiga orang anak. Saya masih ingat lagi akan hari-hari minggu selepas pulang dari gereja, bila anak-anak sudah masuk tidur, saya berbaring di atas katil. Segalanya damai, sunyi dan gelap dan saya akan mengulangi khotbah pendeta pagi Ahad itu. Pada masa itu, saya tidak tahu mengapa saya melakukannya, tetapi kini saya sadar.

Panggilan anda mungkin datang secara perlahan-lahan atau secara mendadak, tetapi pada saat panggilan itu diberi, itulah juga saat bermulanya peringkat persediaan.

5 Pengurapan

Ketika peringkat persediaan, pengurapan akan dikurniakan menurut masa-masa yang tertentu. Pengurapan ini ialah Roh Kudus membolehkan kita untuk melakukan apa yang diutus oleh Tuhan. Roh Kudus mengajar, membetul, mengudus, menolong dan menguatkan kita. Dia membentuk dan mereka kita menjadi bejana yang sesuai bagi kegunaan Tuhan. Proses ini boleh memakan masa bertahun-tahun.

Umpamanya Musa. Dia terdorong untuk membebaskan bangsanya dari belunggu. Dalam keghairahannya untuk menolong, dia sebaliknya telah membunuh orang Mesir yang menyeksa bangsanya – akhir sekali dia terpaksa melarikan diri dan menghabiskan masa 40 tahun di gurun mempelajari hal-hal pengembalaan, mengenali Tuhan dan direndahkan. Dia tengah menimba pengalaman. Seseorang yang tidak mempunyai latihan, pengalaman dan kerendahan hati tidak dapat membezakan keghairahan manusiawi daripada penentuan masa Tuhan.

Pengurapan dikurniakan kepada kita menurut kerjasama kita dalam proses persediaan ini. Perhatikan Yusuf, dipanggil Tuhan menjadi pemerintah Mesir untuk menyelamatkan umatnya daripada kebuluran. Semasa anak-anak lagi, dia sudahpun bermimpikan hal itu. Dalam keghairahannya dia memberitahu abang-abangnya. Tentu sekali abang-abangnya tidak merayakan kenyataan bahawa mereka akan tunduk kepada adik mereka. Jadi, Yusuf dijual sebagai hamba.

Sememangnya Yusuf tidak berniat buruk. Dia anak yang baik,

tetapi nampaknya dia tidak begitu bijak memberitahu abang-abangnya tentang mimpi tersebut. Tuhan mengizinkan dia mengalami beberapa tahun yang sukar. Dalam masa itulah, dia dilatih menjadi lebih bijak. Pengalamannya menyediakannya untuk menghadapi panggilannya. Dia difitnah – bukan saja oleh ahli keluarga, tetapi juga oleh kawan-kawannya yang dialayani dengan baik dan yang disangkannya boleh dipercayai. Bukan saja difitnah, dia disalahsangka dan dihukumi walaupun tidak bersalah. Dia terpaksa menanti bertahun-tahun sebelum mimpinya menjadi kenyataan.

Kita semua juga mempunyai pengalaman-pengalaman seperti itu yang membantu kita menjadi dewasa. Pengalaman-pengalaman itu menyiapkan kita untuk pelayanan Tuhan dan agar kita berdiri teguh tidak kita apa sekalipun yang terjadi. Bukan Tuhan yang membawakan masalah kepada kita, tetapi syaitan. Syaitan merancang kemusnahan kita, tetapi Tuhan mengubahnya dan menggunakannya demi kebaikan kita. Yusuf memang memahami kebenaran ini kerana dalam Kejadian 50:20, dia memberitahu abang-abangnya.

Memang kamu telah mereka-rekakan yang jahat terhadap aku, tetapi Allah telah mereka-rekakannya untuk kebaikan.

Bila Tuhan memanggil saya untuk mengajar FirmanNya, keluarga dan kawan-kawan saya menafikan panggilan itu. Dan saya merasa sungguh sakit hati. Saya disalahsangka, malah dikatakan yang bukan-bukan. Saya sendiri pula bersikap negatif dan oenuh keghairahan yang tidak bijak. Singkatnya, saya angkuh – penuh dengan diri sendiri. Saya rasa ramai di antara kita adalah begitu sehinggalah kita melalui proses persediaan terlebih dahulu.

Jika anda merasa bahawa anda tidak mempunyai masalah ini, biarlah saya beri anda amaran – anda akan terkejut. Sehingga kita rendahkan diri di bawah tangan Tuhan yang kuta (I Pet 5:6), saat yang kita nantikan itu tidak akan tiba.

Sekarang, bila dikenang kembali, saya dapat melihat dengan jelas peringkat-peringkat pembangunan dalam pelayanan saya yang seiring dengan pertumbuhan, kematangan dan pengurapan yang meningkat.

Perhimpunan Kajian Firman

Pada peringkat pertama, Tuhan mengarahkan saya untuk berhenti dari kerja saya yang bergaji tinggi agar membuat persediaan dalam pelayanan. Keputusan ini bermakna pendapatan keluarga kami turun dengan separuh. Tuhan sentiasa memnuhi keperluan kami, tetapi tahun-tahun tersebut merupakan tahun-tahun yang agak sukar.

Saya bermula dengan mengajar Firman di rumah-rumah dan ini berterusan selama 5 tahun. Pada 2 •'5f yang pertama, saya mengajar seminggu sekali. Perhimpuann-perhimpunan itu semakin bertambah sehingga saya mula mengajar 2 kali seminggu – satu di waktu pagi dan satu di waktu petang. Walaupun Dave dan saya mengalami ketegangan dalam kewangan, saya tidak menerima sebarang pemberian dari perhimpunan-perhimpunan tersebut.

Orang-orang yang kami ajar, lebih kurang 25 orang dalam setiap kumpulan, menolak sebarang saranan untuk memberi pemberian kepada kami walaupun begitu ketara sekali keperluan kami.

Memang sukar bagi saya tetapi ianya menyucikan hasrat saya untuk mengajar. Saya teru mengajar, jadi jelaslah bahawa saya mengajar bukan kerana wang ringgit.

Memang kadang-kadang sukar sekali untuk menahan perasaan negatif yang timbul akibat keadaan tersebut. Namun lama kelamaan, saya mempelajari bahawa Tuhan tidak mahu saya mengetahui dari mana akan datangnya pencukupan itu. Tuhan mahu memastikan bahawa Dialah yang menjadi sumber saya – kebenaran ini mengambil masa dan memerlukan kesabaran untuk dipelajari. Kadang-kadang teringin juga untuk melarikan diri dari semua itu.

Sememangnya ramai yang lari. Mereka telah diutus tetapi kerana mereka tidak sanggup menahan masa-masa sukar itu dalam peringkat-peringkat persediaan, mereka tidak terpilih. Matius 20:16 mengatakan, “

Saya pernah mendengar orang yang menjelaskan ayat itu seperti ini, “ramai yang dipanggil, tetapi hanya beberapa orang saja yang sanggup menerima tanggungjawab tersebut.”

II Tim 2:15 mengatakan, “Usahakanlah supaya engkau layak di hadapan Allah sebagai seorang pekerja yang tidak usah malu, yang berterusterang memberitakan perkataan kebenaran itu.”

Tahun-tahun mengajar 25 orang dalam perhimpunan itu telah membenarkan Tuhan untuk mengajar saya tentang pelayanan.

Tergendala

Kemudian, selama setahun, saya langsung tidak melakukan apa-apa dalam pelayanan. Tuhan telah mengatakan, “Jangan

teruskan ajaran Alkitab dalam perhimpunan itu lagi; saya mahu melakukan aperkara yang baru.” Keinginan saya untuk mengajar juga turut hilang. Saya mempunyai bayi yang baru dan dalam hati saya serta juga keadaan sekitaran menyokong arahan baru dari Tuhan ini.

Namun, ia juga sukar untuk saya patuhi. Ahli-ahli dalam perhimpunan itu sudah mula memberi kepada kami, dari 15 – 50 dolar seminggu. Walaupun jumlahnya agak sedikit, tetapi ia amat membantu kami. Sekarang saya mesti bersedia melepaskan sumber ini agar meneruskan langkah selanjutnya.

Saya sangka bahawa setelah melakukan pengorbanan yang begitu besar, sesuatu yang ajaib akan berlaku tetapi tidak ada apa-apa pun yang terjadi selama satu tahun! Tidak ada sebarang pintu pun yang terbuka. Boleh dikatakan tahun ini merupakan yang paling sukar bagi saya. Adakah saya salah sangka! Adakah visi ini hasil khayalan sendiri? Apakah yang harus saya lakukan untuk mengabulkannya? Sementara itu Tuhan asyik mengatakan, “Diamlah dan ketahuilah, bahawa Akulah Allah!” Maz 46:11

Kadang-kadang, menantikan saat Tuhan adalah begitu sukar sekali. Pada masa itu, saya tidak faham akan apa yang saya katakana kepada anda sekarang. Hanya apabila kita imbas kembali, barulah kita melihat dengan lebih jelas. Adakalanya Tuhan mengendalikan sesuatu dalam kehidupan seseorang. Dia biarkan dia di situ saja. Kelihatannya tidak ada apa-apa yang sedang terjadi – tetapi sebaliknya, dalam aspek rohani – banyak hal yang sedang berlaku. Ianya adalah masa untuk mengemaskini, membesar, menyucikan dan tetap percaya walaupun mata tidak dapat menyaksikannya.

Lima Tahun Selanjutnya

Menghampiri akhir tahun penantian ini, Dave dan saya mula menghadiri sebuah gereja baru di kawasan St. Louis. Ianya kecil dengan lebih kurang 30 orang. Kami rasa pasti bahawa Tuhan mahu kami di situ. Tidak berapa lama kemudian, saya diberi peluang untuk memulakan perhimpunan wanita pada setiap pagi Khamis di gereja itu iaitu gereja Life Christian Centre. Perhimpunan ini telah ditentukan oleh Tuhan sebagai peringkat seterusnya dalam pelayanan saya dan ianya juga tepat dengan saat yang ditentukan oleh Tuhan.

Perhimpunan itu bertumbuh menurut berkat Tuhan. Pada kemuncaknya, seramai 400 orang wanita menghadiri perjumpaan ini. Akhirnya saya bekerja sepenuh masa di gereja dan menjadi penolong kanan pendeta. Saya direstui melalui Life Christian Centre dan mengajar di sekolah Alkitab di sana. Kemudian gereja membiayai perbelanjaan acara radio yang pertama. Acara tersebut disiarkan di St. Louis.

Saya telah mempelajari banyak hal-hal mustahak dalam masa 5 tahun ini. Pertama, saya belajar bagaimana tunduk kepada kuasa. Seseorang itu tidak layak memegang kuasa sehinggalah dia mempunyai pengalaman berada di bawah kekuasaan orang lain. Ingatlah bahawa tunduk kepada kuasa itu bukan sekadar perbuatan, ianya ialah sikap. Anda mungkin patuh dan melakukan apa yang disuruh, tetapi sikap tunduk kepada kuasa itu mesti dilahirkan dalam diri kita, terutama pada seseorang yang keras hati seperti saya.

Melalui suatu jangkamas, saya belajar bagaimana bekerjasama dengan orang lain dan berfungsi dalam berbagai jenis pelayanan.

Lebih-lebih lagi, saya juga belajar bagaimana menantikan saat yang ditentukan oleh Tuhan. Ada banyak hal yang telah Tuhan sematkan dalam hati saya, perkara-perkara yang ingin saya lakukan, tetapi sekali lagi, masanya tidak sesuai – jadi terpaksaalah menanti, belajar lagi dan bertumbuh.

Tahun-tahun itu merupakan tahun-tahun yang bermakna, walaupun sukar, namun ada pahitmanisnya, dan juga kebahagiaan. Melalui semua itu, pendeta-pendeta di Life Christian Center, Rick dan Donna Shelton, Dave dan saya, menjadi lebih erat dan kini tetap kawan yang baik. Kami telah bertumbuh bersama-sama.

Saya mendapati bahawa bila kita bertumbuh matang bersama-sama, jika tidak berputusasa, mereka akan disatukan dan dieratkan lagi dalam suatu perhubungan yang berkekalan. Boleh dikatakan – sambil yang negatif dan yang buruk disingkir, yang positif dan yang baik disatukan bersama.

Bila ahli di Life Christian Center telah bertambah kepada 1,200 orang, pekerja-pekerjanya bersedia untuk berpindah ke bangunan yang baru. Segala-galanya berjaya dan bertambah ghairah bila Tuhan berfirman sekali lagi.

6 Pengasingan

Hidup dalam Firman bermula.

Masihkah anda ingat bila Tuhan pertama kali mengutus saya? “Panggilan” itu datang sambil saya mengemaskan katil dan Tuhan berkata, “Kamu akan merantau seluruh dunia...dan akan mempunyai pelayanan yang besar melalui kaset.” Hal itu memang ada terjadi dalam tahun-tahun persediaan tetapi dalam cara yang kecil. Akan tetapi visi itu telah bertambah-tambah dalam aspek-aspek lain.

Suatu hari, ketika dalam doa, ayat firman ini mendapatkan perhatian saya dengan cara yang amat menakjubkan. Fil 2:16

Sambil berpegang pada firman kehidupan...

Pada hari itu, saya menerima visi untuk mencapai seluruh dunia melalui gelombang radio.

Pada ketika visi itu, saya tidaklah berkhidmat dengan sebarang stesen radio. Saya memang ada merantau, tetapi tidak jauh. Masih banyak lagi dalam hati saya, tetapi saya sentiasa berfikir bahawa Tuhan akan mengabulkan semua itu di Life Christian Center, - memang pekerjaan yang saya gemari. Tetapi Tuhan mempunyai rancangan yang lain.

Amsal 16:9 mengatakan

Hati manusia memikirkan jalannya, tetapi Tuhanlah yang menentukan arah langkahnya.

Saya mempunyai suatu rancangan yang saya fikir adalah dari tuhan. Tetapi Tuhan berkata, “Kerjamu di sini sudah selesai. Bawalah pelayananmu dan pergilah ke utara, selatan, timur dan barat.” Saya menyedari bahawa saya diutus untuk membawa

kebaktian Firman Kehidupan yang ada di Life Christian Center dan melakukan hal yang sama di tempat-tempat lain. Saya menentang hal ini buat suatu ketika, tetapi akhirnya saya yakin bahawa Tuhanlah yang mengutuskannya. Saya juga menyedari bahawa jika saya silap langkah, saya akan kehilangan segala-galanya yang tercapai selama 10 tahun ini. Sememangnya saya merasa takut.

Akhirnya saya patuh kepada Tuhan dan meninggalkan pekerjaan saya di gereja. Pada masa perubahan inilah Tuhan menunjukkan kepada saya bahawa Dia akan mengasingkan saya ke arah panggilan hidup saya. Segala-galanya selama ini memang bagus tetapi ianya Cuma penyediaan. Setiap langkah, pengurapan dari Tuhan bertambah serentak dengan bertambahnya tanggungjawab.

Dalam Kisah Para Rasul 13:2 ada tercatat bahawa ketika mereka beribadah, berkatalah Roh Kudus: “Khususkanlah Barnabas dan Saulus bagiKu untuk tugas yang telah Kutentukan bagi mereka.” Mereka selama itu memang melakukan banyak hal dalam pelayanan, malah boleh dikatakan mereka cukup berhasil dan membawakan berkat. Namun dalam saat yang ditentukan Tuhan, Dia berfirman, “Sekaranglah masanya.”

Saya ingin menguatkan semangat anda bahawa pada saat yang ditentukan oleh Tuhan, mimpi dan visi yang diberikan kepada anda akan terkabul. Jika Tuhan telah mengutus anda, pada kegenapan masanya, Tuhan akan mengabulkan. Bekerjasamalah denganNya setiap langkah kerana panggilan, pengurapan dan pengkhususan itu boleh memakan masa bertahun-tahun. Setialah pada segala hal, yang besar mahupun yang kecil kerana masamu dalam tanganNya.

7 Adakah anda lelah menantikan?

Jika anda sudah menunggu agak lama, namun tiada hasil yang kelihatan, kemungkinan besar anda merasa lelah menantikan. Di sini saya ingin menasihati anda untuk mengambil sikap baru dalam menanti. Alkitab dalam Injil Markus 4:26-29 mengajar agar kita sabar seperti petani yang menabur benih dan menantikan musim menuainya. Alkitab terus mengajar bahawa sambil dia menantikan benih itu mengeluarkan tunas dan berbuah, petani tetap bangun pagi tidur malam. Akhirnya buah dihasilkan walaupun petani tidak tahu bagaimana ianya terjadi.

Tuhan telah mengajar saya untuk terus menjalani kehidupan saya sekarang dengan setia sambil menantikan cita-cita, mimpi dan visi yang tersemat di hati menjadi kenyataan. Kita boleh melakukan kesilapan mengabaikan hidup ini kerana terlalu asyik cuba mengabaikan cita-cita masa depan.

Saya menerima visi daripada Tuhan 10 tahun sebelum kelihatan pengabulannya. Dalam masa 10 tahun itu, saya telah kehilangan banyak tugas kerana cuba untuk melahirkan visi itu di luar masa yang ditentukan.

Katakanlah seorang wanit yang mempunyai 5 orang anak mengandung lagi. Kalau dia cuba melahirkan anak dalam kandungannya yang baru sebulan, kita akana mengatkaan dia tidak siuman. Apa kata kalau dia cuba dengan sedaya-upaya melahirkan anak yang baru ini sehingga dia mengabaikan kelima-lima orang anaknya yang lain - bukankah itu suatu tindakan yang

bodoh dan tidak masuk akal? Akan tetapi pada hakikatnya, ramai di antara kita juga melakukan hal yang tidak masuk akal ini.

Nikmatilah keadaan anda sekarang sambil menantikan pencapaian yang diinginkan di masa depan. Bila Firman mengatakan petani tetap bangun pagi tidur malam – saya percaya ianya bermakna bahawa petani itu tetap menjalankan kehidupannya seperti biasa, sambil menunggu musim menuai.

Pada suatu hari, seorang pendeta telah datang menjemput kami dari lapangan terbang. Keadaan di situ begitu sibuk sekali. Orangramai kelihatannya sedang beratur untuk segalanya - malah tangga bergerak sekalipun terpaksa beratur menunggu giliran. Tempat makan juga penuh dan terpaksa menunggu. Seakan-akan semuanya mesti tunggu giliran. Saya perhatikan bahawa pendeta itu merasa agak terganggu. Tiba-tiba dia berkata, “Nampaknya saya tidak pandai menunggu.”

Setiap kali kita gagal untuk menunggu dengan bijak, akibatnya ketara sekali – bukan saja dalam emosi tetapi juga secara jasmani. Hal menunggu ini adalah perkara yang lumrah dalam kehidupan seharian. Kalau menunggu itu membawa frustrasi, ia akan mengakibatkan tekanan ke atas badan kita yang lama kelamaan akan membawakan penyakit. Pendeta yang saya kata tadi yang tidak pandai menunggu tengah mengidap penyakit pada ketika itu. Doktor mengatakan bahawa penyakit itu adalah akibat bertahun-tahun menahan tekanan. Ambillah sikap baru terhadap hal menunggu ini dan ianya akan terasa lebih senang.

Sebenarnya, dalam kehidupan ini kita meluangkan lebih banyak masa menunggu daripada menerima. Setelah kita menerima apa yang kita nantikan, kita mula menunggu hal yang baru pula. Jika anda sedar apa yang saya maksudkan, maka anda akan maklum bahawa menunggu itu sememang sebahagian besar daripada kehidupan.

Katakanlah, anda telah menerima kenaikan gaji, anda akan tunggu lagi untuk kenaikan selanjutnya. Anda menantikan seorang anak, kemudian anda menantikan mereka membesar – dari lampin memakai seluar, kemudian membeli seluar sendiri. Anda mungkin juga menanti untuk membeli rumah, bila dapat rumah, tunggu untuk membeli perabot – seterusnya menantikan harinya bila anda berupaya menggaji seorang pembantu rumah untuk membersihkan dan mengemaskan rumah dan seterusnya. Adakah anda mengerti maksud saya?

Oleh itu, belajarlah untuk menikmati penantian – kerana hanya dengan menanti barulah impian anda akan tercapai. Harus saya katakan – penantian yang baik dan bijak. Tentu sekali pengabulan mimpi dan cita-cita itu datangnya dari Tuhan tetapi penantian itu umpamakan penghantar. Kadang-kadang seseorang itu mula menunggu, bila penghantar sampai, dia sudah beredar dan memulakan perkara yang baru dan kemungkinan besar dia juga tidak akan bertahan sampai tercapainya hal yang baru itu. Semuanya kerana tidak sabar menunggu.

Orang yang tidak sabar biasanya tidak akan menunggu sehingga selesainya tugas-tugas yang hebat kerana perkara hebat memakan masa yang lambat untuk sempurna. Suami saya, Dave sering berkata, “Cepat tetapi lemah, lambat tetapi kuat.” Kalau sesuatu

itu dilakukan dengan cepat untuk sesuai bagi mereka yang tidak sabar, yang tidak pandai menunggu, maka hal itu kemungkinan besar tidak akan berkekalan. Tetapi sebaliknya, jika kita sudi menantikan saat yang ditentukan oleh Tuhan, ianya akan dikerjakan dengan sempurna dan akan berkekalan.

Adakalanya muncul bintang-bintang dalam pelayanan – mereka yang tampil di depan entah dari mana dan menjadi terkenal dengan cepat. Biasanya mereka ini mengenali orang-orang tertentu yang dapat memberi peluang pelayanan kepada mereka. Namun pelayanan mereka kerapnya tidak berkekalan. Mereka menghadapi masalah kewangan atau masalah moral kerana peribadi seseorang itu harus diteguhkan dalam masa-masa sukar dalam penantian. Sayangnya bintang-bintang ini tidak melalui proses pembinaan ini.

Jika seseorang itu mengelakkan diri dari kesukaran dan menjadi hebat dalam masa semalaman, biasanya mereka tidak dapat bertahan lama. Markus 4:26-29 mengatakan bahawa benih yang tumbuh dengan cepat akan layu keesokannya kerana tidak tahan panas terik cahaya matahari. Bila kita dapat menerima, menghormati malah menghargai masa-masa penantian, Tuhan akan bekerja ke arah menyempurnakannya. Walaupun kita tidak dapat melihat dengan mata kasar apa yang sedang berlaku, hal-hal yang akan menggembirakan kita sedang diuruskan sekarang di belakang pentas.

8 Sabar, sabarlah!

Alkitab mengatakan dalam Ibr 6:12 bahawa kita akan mewarisi janji-janji melalui firman dan kesabaran. Warisan itu tidaklah memerlukan sebarang usaha daripada penerimanya. Apa yang mesti dilakukan ialah menunggu hinggalah tiba masanya untuk mewarisi, bukan? Contohnya, anda percaya bahawa seorang saudaramu akan memberikan anda warisan, tetapi anda mestilah sabar dan menunggu sehingga masa yang sesuai untuk menerima warisan itu. Iman dan percaya itu adalah rakankongsi. Mereka bekerjasama untuk membawakan hasil yang diingini.

Yakobus 1:2, 3 mengatakan, “Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan, apabila kamu jatuh ke dalam berbagai-bagai pencobaan, sebab kamu tahu, bahawa ujian terhadap imanmu itu menghasilkan ketekunan.” Betapa hebatnya firman ini!

Perkataan Yunani untuk kesabaran dalam ayat ini ialah *hupomone*, yang bererti “kesabaran yang membesar dalam pencobaan.” Dalam perkataan yang lain, bagaimanakah kita dapat bertumbuh dalam kesabaran kalau tidak ketika menantikan sesuatu yang amat kita kehendaki atau menahan sesuatu keadaan yang sukar?

Bila kita menghadapi pencobaan, kita bertumbuh – setidak-tidaknya, kita dapat bertumbuh jika kita membenarkan diri kita disempurnakan melalui buah ketekunan (Yakobus 1:4).

Menentang, membenci dan melarikan diri dari kesukaran tidak akan menghasilkan kesabaran. Yakobus 1:4 mengatakan bahawa kita dapat menjadi sempurna dan tidak kekurangan apapun setelah kesabaran itu telah melakukan tugasnya dengan sempurna. Ianya amat mudah dilihat. Jika seseorang itu sabar, dia akan merasa

damai dan berbahagia dalam apa jua keadaan.

Saya sendiri tentu sekali tidaklah sempurna dalam hal kesabaran ini, tetapi saya sudah bertumbuh besar. Pada suatu ketika dulu, saya sungguh-sungguh tidak sabar. Saya juga tidak pandai menunggu. Akhirnya saya sedari bahawa Tuhan tidak akan berubah – lebih baik sayalah yang berubah dan menyesuaikan diri dengan cara Tuhan. Dia mengatakan kita menerima melalui iman dan kesabaran, jadi saya membuat keputusan membenarkan kesabaran dikerjakan dalam hidup saya. Saya sudah bertumbuh dalam kesabaran, dan pada masa yang sama, saya juga mendapat damai dan bahagia.

Kesabaran itu adalah buah roh. Kesabaran itu merupakan saksi yang sungguh hebat bagi umat yang belum percaya. Ianya umpama otot – semakin anda menggunakannya semakin kuatlah ia. Akhirnya bila sempurna nanti, anda hanya perlu untuk melakukan senaman untuk mengekalkan kekuatan otot kesabaran itu. Hal-hal seperti menunggu bila ada orang yang sungguh perlahan di depan anda, kereta yang rosak di tengah jalan, tidak memahami hal-hal tertentu yang sedang terjadi dalam hidup anda ataupun jawaban-jawaban kepada doa anda yang kelihatannya sungguh lambat sekali dijawab.

Semua hal di atas akan membantu kita walaupun ianya terasa sukar ketika menghadapinya. Jika kita dapat menyedarinya, ianya akan memberi kita penghargaan baru terhadap kesabaran. Ibrani 12:1 menasihati kita, “marilah kita menanggalkan beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlomba dengan tekun dalam perlombaan yang diwajibkan bagi kita.” Setiap perlumbaan itu mempunyai garis akhirnya. Anda akan sampai pada garis akhir tetapi Ibrani mengajar kita bagaimana berlari dengan baik.

Bersabarlah dengan diri sendiri.

Benarkanlah saya untuk menasihati anda agar membina dasar kukuh untuk cara hidup yang penuh kesabaran dengan mula-mula bersabarlah dengan diri anda sendiri. Bila anda melakukan kesilapan, terimalah pengampunan daripada Tuhan dan teruskan perlumbaan ke arah garis akhir. Bersabarlah dengan diri sendiri ketika menghadapi kelemahan. Rasa tidak sabar itu melahirkan tekanan dan frustrasi. Dan frustrasi itu akan menyebabkan emosi kita tidak stabil dan akhirnya kita melakukan lebih banyak kesilapan. Hal ini dapat dielakkan jika kita bersabar sedikit.

Kebanyakan orang bertambah maju dengan lebih cepat jika diletakkan dalam keadaan yang sabar daripada dalam keadaan tertekan. Bermurah hatilah dengan kesabaran. Berikanlah ia kepada diri sendiri dan juga orang lain. Anda akan mendapati hasilnya yang manis. Lukas 8:15 mengatakan, "...mengeluarkan buah dalam ketekunan."

Bab 9 Bilakah Impianku akan Terkabul?

Impian anda sedang dalam proses pengabulan. Ianya sedang disempurnakan. Menfaatkan sebanyak-banyaknya dari hari-hari anda. Penuhi tanggungjawab anda tetapi jangan cuba mengambil tempat Tuhan.

Ada masanya yang sempurna – iaitu saat yang ditentukan oleh Tuhan. Hanya Tuhan yang mengetahuinya. Hormati Tuhan dengan mempercayaiNya, dan sambil anda dalam perjalanan ke arah impian anda menjadi kenyataan, nikmatilah sepanjang jalan itu.

Tidak ada seorang pun yang dapat memberitahu anda bila ianya akan terjadi, tetapi percayalah bahawa ia akan disempurnakan pada saat yang ditentukan oleh Tuhan.

Percayalah dan nikmatilah rehat Tuhan!

Mengalami Hidup Baru

Jika anda tidak pernah mengundang Yesus menjadi Tuhan dan Penyelamat anda, saya ingin menjemput anda untuk berbuat demikian sekarang juga. Anda boleh mendoakan doa ini, dan jika anda benar-benar ikhlas, anda akan mengalami hidup baru dalam Kristus.

Allah Bapa, saya percaya Yesus Kristus adalah AnakMu, Penyelamat dunia. Saya percaya Dia telah mati di atas kayu salib bagi diri saya, dan Dia menanggung segala dosaku. Dia telah turun ke neraka menggantikan tempat saya, dan mengalahkan

maut dan kubur. Saya percaya Yesus telah bangkit dari maut dan sekarang berada di sisi kananmu. Saya memerlukanMu, Yesus. Ampunilah dosa-dosaku, selamatkanlah diri ku, datanglah dan hiduplah dalam diriku ini. Saya mahu dilahirkan kembali.

Sekarang, percayalah bahawa Yesus hidup dalam hatimu. Anda sudah diampuni dan dijadikan benar, dan bila Yesus kembali, anda akan bersamaNya di syurga.

Carilah sebuah gereja yang mengajar Firman Tuhan dan mulalah bertumbuh besar dalam Kristus. Tidak akan ada apa-apa perubahan dalam hidup anda tanpa pengetahuan dari firman Tuhan.

Yang terkasih,

Yohanes 8:31, 32 mengatakan, “Jika kamu tetap dalam firmanKu, kamu benar-benar adalah muridKu dan kamu akan mengetahui kebenaran, dan kebenaran itu akan memerdekakan kamu.”

Saya mendorong anda untuk mempelajari Firman Tuhan, menyimpannya dalam hati, dan menurut 2 Kor 3:18, semakin anda mempelajari Firman, anda akan menjadi semakin menyerupai Yesus Kristus.

Hantarkanlah berita kepada saya dan beritahulah saya jika anda sudah menerima Yesus, dan mintalah senaskah buku kecil tentang bagaimana memulakan hidup baru dalam Kristus yang akan kami berikan dengan percuma.

Dengan Kasih,

Joyce.

Perihal Penulis

Joyce Meyer sudah mula mengajar Firman Tuhan sejak tahun 1976 dan melayani sepenuh masa sejak tahun 1980. Sebagai penolong pendeta di Life Christian Center di S. Louis, Missouri, dia telah menubuhkan, mengorganisasikan serta mengajar perhimpunan mingguan yang dikenali sebagai “Hidup dalam Firman.” Selama lebih dari 5 tahun, Tuhan telah mengakhiri pelayanan tersebut, mengarahkannya untuk menubuhkan pelayanan baru yang dipanggil “Life in the Word, Inc.”

Program radio dan teleevisyen “Life in the Word” tersiar di seluruh Amerika dan dunia. Kaset-kaset pengajarannya juga dinikmati di peringkat antarabangsa. Dia banyak berkunjung ke merata tempat untuk mengadakan seminar-seminar Life in the Word.

Joyce dan suaminya, Dave, pengurus perniagaan di Life at the Word, sudah berumahtangga selama lebih dari 32 tahun dan mempunyai 4 orang anak. Keempat-empat anak mereka sudah berkahwin, dan bersama-sama pasangan masing-masing, turut bekerja bersama Dave dan Joyce dalam pelayanan ini. Joyce dan Dave tinggal di Fenton, Missouri, tidak jauh dari St. Louis. Joyce percaya bahawa panggilan dalam hidupnya ialah untuk meneguhkan umat percaya dalam Firman Tuhan. Dia berkata, “Yesus mati untuk membebaskan tawanan, dan terlalu sedikit umat Kristen yang menikmati kemenangan dalam kehidupan seharian mereka.” Dia mendapati dirinya sendiri menghadapi situasi yang sama bertahun-tahun yang lalu dan setelah menemui kebebasan untuk hidup dalam kemenangan dengan mempraktikkan Firman Tuhan, kini Joyce diperlengkapkan untuk membebaskan

tawanan dan menukarkan kehinaan menjadi keindahan.

Joyce telah mengajar tentang pemulihan emosi dan yang berkaitan di merata tempat. Dia telah membantu ribuan orang. Dia telah membuat lebih dari 185 kaset yang berlainan dan telah menulis lebih dari 34 buah buku tentang berbagai judul untuk membantu Tubuh Kristus.

“Pakej Pemulihan Emosi”nya mengandungi lebih dari 23 jam pengajaran tentang hal ini. Album yang termasuk dalam pakej ini ialah, “Keyakinan,” “Keindahan Abu,” (termasuk sukatan), “Mengurus Emosi,” “Kepahitan, kemarahan, dan Tidak memaafkan”, “Akar-akar penolakan”; dan sebuah kaset 90 minit yang mengandungi musik serta firman yang berjudul, “Menyembuhkan Hati yang patah.”

“Pakej Minda”nya pula merupakan lima kaset yang berlainan dengan judul-judul berkisar tentang minda. Ianya termasuk, “Kubu-kubu dan pendirian Minda;” “Kekeliruan Mental;” “Minda kedagingan;” “Minda yang huru-hara dan penuh pertanyaan;” dan “Minda, Mulut, Emosi dan Sikap.” Pakej ini juga mengandungi buku Joyce setebal 288 mukasurat yang berjudul “Medan Perang Minda.” Dia juga mempunyai dua seri kaset mengenai kasih yang berjudul, “Kasih Ialah...” dan “Kasih: Kuasa Mutlak.”

Hubungilah pejabat Joyce Meyer untuk mendapatkan sumber katalog dan maklumat selanjutnya tentang bagaimana memperolehi kaset-kaset yang membawakan penyembuhan sepenuhnya kepada hidup anda.

Untuk menghubungi penulis, tulislah kepada:

Joyce Meyer
Life in The Word, Inc.
P.O.Box 655
Fenton, Missouri 63026
Atau telefonlah:
(636) 349-0303

Alamat Internet:
www.jmministries.org

*Silalah sertakan kesaksian kamu atau
sebarang bantuan yang telah anda terima dari
buku kecil ini bila anda menyurat kepada kami.
Permintaan-permintaan doa juga diterima.*

Untuk menghubungi penulis di Kanada, tulislah kepada:

Joyce Meyer Ministries Canada, Inc.
P.O.Box 2995
London, ON N6A 4H9

Di Australia pula, hubungilah:
Joyce Meyer Ministries – Australia
Locked Bag 77
Mansfield Delivery Centre
Queensland 4122
Atau telefon:
(07) 3349 1200

Buku-Buku Joyce Meyer

Berjajalah dalam menjadi Individu Tersendiri

Makan dan Tetap Kurus

Pahlawan yang lelah, Umat yang Pengsan

Hidup dalam Firman Sehari-hari

Hidup dalam Firman Renungan

Jangan menguati –

Seni melepaskan Beban dan Berehat dalam Tuhan

Seri Tolonglah Aku!

Saya Tertekan! Saya Terancam!

Saya Lemah! Saya Kemurungan!

Saya Risau! Saya Ketakutan!

Janganlah Takut –

Mengatasi Rasa Takut dengan Kuasa Luar Biasa Tuhan

Kuasai Emosi Anda dan Bukannya dikuasai emosi

Hidup di dalam Firman

Menyembuhkan Hati yang Patah

“Aku dan Mulut Celuparku!”

Bersedialah untuk Berjaya

Lakukan! Takut

*Nantikan Gerakan Tuhan dalam Hidup anda...secara terkejut
Menikmati keindahan sambil membuat perjalanan ke arah tujuan*

Keputusan yang paling penting yang akan anda buat

Bila, Tuhan, Bila

Mengapa, Tuhan, Mengapa?

Firman, Nama dan Darah

Medan Perang Minda

Beritahulah Mereka Saya Mengasihi Mereka

Kita mahu segalanya sekarang juga, dan kadang-kadang kita terpaksa menunggu kerana kita perlu bertumbuh dan bertambah matang agar bersedia untuk menerima berkat yang kita mohon daripada Tuhan.

Sebagai umat percaya, kita mempunyai keutamaan yang unik untuk terus berada dalam keadaan damai walaupun dalam saat-saat penantian. Kita dapat merasa puas hati kerana mengenali Dia yang mengajar kita untuk bersandar dan percaya kepadaNya.

Mungkin anda sedang mempercayai Tuhan untuk mendapatkan kenaikan pangkat, atau pasangan yang sesuai, kewangan yang bertambah, atau penyembuahn... apa sekali pun, Tuhan mengetahui tentang hal itu, dan Dia memegang musim-musim kehidupan anda dalam tanganNya. Saya percaya buku ini akan membantu anda belajar kesabaran – seni menantikan Tuhan dengan sikap yang betul.

Joyce Meyer.

Tuhan Sentiasa Tepat Pada Masanya untuk Anda!

Tuhan mempunyai masa yang sempurna untuk segala-galanya dalam hidup anda. Kadangkala Dia menjawab doa dengan cepat. Pada masa lain Dia menunggu sehingga Dia tahu anda bersedia untuk menggunakan kurniaan-Nya dengan bijak. Penantian itu tidak selalu mudah. Ketidaksabaran, kekecewaan, dan kekecewaan boleh timbul kerana anda sedang menunggu sesuatu berlaku sekarang. Hanya apabila anda belajar untuk menghargai, menghargai—dan, yang paling penting, mempercayai—masa menunggu, barulah Tuhan benar-benar bekerja di sebalik tabir dengan bersungguh-sungguh. Dalam panduan yang menggembirakan ini, Joyce Meyer menunjukkan kepada anda bahawa pada masa Tuhan, anda akan melihat impian dan visi yang telah Dia berikan kepada anda menjadi kenyataan. Ketahui:

- Keselamatan dalam masa Tuhan
- Bagaimana anda boleh bertumbuh dan matang semasa masa menunggu
- Mengapa menunggu adalah cara Tuhan untuk menegaskan semula iman dan kepercayaan kepada-Nya
- Bagaimana membina asas gaya hidup yang sabar
- Mengapa kita kadangkala perlu menunggu orang lain bersedia.

Tuhan mendengar anda dan sedang berusaha untuk menjawab doa anda. Jika anda sanggup menunggu masa yang sempurna-Nya, impian anda akan dipenuhi dengan segala berkat kasih-Nya.